

20 APR 2002

Mahathir-Takungan Air/I (Bergambar)

DR MAHATHIR LAWAT KEAJAIBAN KELAPAN DUNIA, "GREAT MAN-MADE RIVER"

Oleh: Khairdzir Mohd Yunus

BENGHAZI, 20 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jumaat melawat Projek "Great Man-Made River", yang dianggap sebagai keajaiban kelapan di dunia.

Projek itu, yang melibatkan pelaburan amat besar iaitu AS\$33.69 bilion (RM128.02 bilion) bagi tempoh 50 tahun, dapat membantu mengatasi masalah air Libya.

Libya dikatakan satu daripada tempat yang paling kering di dunia.

Terletak di Suluq, kira-kira 50 km dari Bandar Benghazi, Projek "Great Man-made River" yang dibina di Gurun Sahara, juga dianggap sebagai kerja-kerja kejuruteraan awam terbesar yang pernah dilihat dunia.

Projek itu, yang bermula pada 28 Ogos 1991, sebenarnya merupakan rangkaian besar pengangkutan dan pengedaaran air.

Ia merangkumi 1,300 telaga yang digerudi dalam Gurun Sahara dengan 6.5 juta meter padu air sehari dipam masuk ke dalamnya untuk membekalkan lebih 1,000 liter air sehari kepada setiap warganegara Libya.

Projek itu juga dapat membantu Libya membebaskan 159,000 hektar tanahnya daripada kemarau.

Lima juta tan simen yang digunakan untuk membuat paip-paip projek itu adalah mencukupi bagi membina jalan raya konkrit dari bandar Sirt di Libya ke Mumbai di India.

Wayar besi yang digunakan untuk membuat paip-paip itu pula dapat mengelilingi dunia 280 kali.

Pemimpin Libya Muammar Gaddafi mengilhamkan idea projek itu selepas air bawah tanah ditemui semasa kerja mencari gali minyak dijalankan pada tahun 1970-an.

Dibina dalam tiga fasa, projek itu merangkumi lima takungan air dengan kapasiti jumlah simpanan sebanyak 54.8 juta meter padu.

Dr Mahathir juga melawat sebuah daripada takungan air yang sudah siap, Takungan Air Omar Muktar, dan sebuah lagi yang masih dalam pembinaan.

Beliau ke Benghazi, kira-kira 1,000 km dari ibu negara Libya, Tripoli, dengan menaiki pesawat B777-200 Penerbangan Malaysia dan kembali ke ke Tripoli pada hari yang sama.

Perdana Menteri mengetuai rombongan 185 anggota merangkumi menteri-menteri Kabinet, pegawai-pegawai kerajaan dan ahli-ahli perniagaan dalam lawatan seminggu ke Maghribi, Libya dan Bahrain.

Di Benghazi, Dr Mahathir dan rombongannya juga melawat kubur pejuang pembebasan dan wira Libya, Omar Muktar, yang juga dikenali sebagai "Lion of the Desert" yang digantung mati di situ oleh tentera Itali.

Rombongan perniagaan bagaimanapun berada di Tripoli untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat perniagaan dengan ahli-ahli perniagaan Libya.

Dr Mahathir kemudian menghadiri majlis jamuan malam dengan ahli-ahli perniagaan Malaysia dan tempatan di Tripoli.

Perdana Menteri dan rombongannya akan berlepas ke Bahrain pada Sabtu, selepas menamatkan lawatan tiga hari ke Libya.

-- BERNAMA

KHY MFJ NAK